



PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 17/2022

SEMUA WARGA
(KAMPUS BANGI)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN AWAL MENGENAI PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN ELEKTRIK DI KAMPUS UKM BANGI PADA 21 OGOS 2022 BAGI MEMBERI LALUAN KEPADA KERJA PENYELENGGARAAN TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

- Pemasangan Perkakas Perlindungan Elektrik Voltan Tinggi (*Arc Flash Protection*) Di Pencawang Masukan Utama (PMU) 33kV/11kV UKM Bangi oleh TNB

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa pihak pengurusan Universiti telah dimaklumkan oleh Jabatan Pembangunan Prasarana UKM (JPP) bahawa kerja pemasangan perkakas perlindungan elektrik voltan tinggi (*Arc Flash Protection*) di Pencawang Masukan Utama (PMU) 33kV/11kV Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi akan dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) atas faktor keselamatan yang kritikal untuk memastikan sistem pengagihan elektrik TNB sentiasa berdaya harap demi meningkatkan kepuasan pengguna

3. Oleh yang demikian, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti Bil. 2/2022 telah diadakan pada 13 Julai 2022 bagi membincangkan perkara ini dengan penuh teliti. Hasil persetujuan pihak pengurusan Universiti, keputusan berikut diambil setelah mengambil kira pelbagai faktor terutama keselamatan dan aspek teknikal berikut:

- a. Kerja pemasangan perkakas perlindungan elektrik voltan tinggi di PMU 33kV/11kV Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi akan dilaksanakan oleh TNB pada 21 Ogos 2022 (Ahad);
- b. Keperluan bekalan elektrik bagi makmal-makmal penyelidikan, keselamatan harta benda dan warga kampus sewaktu dalam tempoh ini adalah menjadi keutamaan;



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

- c. Pelaksanaan pemasangan perkakas perlindungan elektrik voltan tinggi tersebut akan memberikan impak besar atas kelangsungan bekalan elektrik di UKM Kampus Bangi pada masa-masa akan datang terutamanya mengurangkan risiko kerosakan perkakas voltan tinggi yang lebih besar, terputus bekalan elektrik yang sangat lama secara mengejut, kerosakan peralatan makmal yang bernilai jutaan ringgit, bahan sampel uji kaji yang berimpak tinggi dan lain-lain seumpamanya dapat dikurangkan; dan
- d. Kerja-kerja pemasangan ini akan dilaksanakan mengikut tata cara yang ditetapkan oleh Akta Bekalan Elektrik 1990/Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

4. Bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja kritikal ini, bekalan elektrik ke keseluruhan Kampus UKM Bangi hendaklah dihentikan (*shut down*) sepenuhnya bermula **21 Ogos 2022 (Ahad) pada jam 8.00 pagi hingga jam 7.00 petang**. Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) akan terkesan secara langsung dari segi bekalan elektrik, air, telefon dan *internet* yang amat bergantung kepada bekalan elektrik akibat penutupan sementara bekalan elektrik ini.

5. Walau bagaimanapun, warga Kampus adalah dinasihatkan untuk membuat persediaan awal dan tidak panik kerana pihak Universiti telahpun mengambil beberapa langkah proaktif di mana terdapat bangunan dan PTj yang akan **terus menerima bekalan elektrik sokongan** dalam tempoh yang dinyatakan seperti di **Lampiran A** yang terbahagi kepada semua bangunan dan PTj yang menerima bekalan elektrik melalui sokongan set janakuasa terutamanya makmal-makmal penyelidikan penting dan pengoperasian instrumentasi bernilai/ berimpak tinggi sahaja.

6. Oleh yang demikian, pihak PTj boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan ini kepada **Ir. Ts. Zulfadly Anuar Datuk Taip, Ketua Unit Elektrik, JPP (03-8921 5078/ 5376/ 5959/ 019-334 3069)**. Manakala, pertanyaan berkaitan pelajar boleh diajukan kepada **Encik Danny Hamidon Omar, Ketua Pentadbiran, Pusat Perumahan Pelajar (03-8921 6847/ 013-350 9215)**.

Bagi pihak pengurusan Universiti, marilah kita bersama-sama mendoakan pelaksanaan kerja-kerja kritikal ini dipermudahkan dan dapat dilaksanakan dengan lebih baik demi kelangsungan bekalan elektrik di Kampus Bangi pada masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN SADAKKUTHULLA
Pendaftar
Merangkap Ketua Jawatankuasa Kawalan Operasi Krisis UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Jabatan Pembangunan Prasarana (JPP) UKM
 - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)
 - Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

Senarai Bangunan/ PTj Yang Akan Terus Menerima Bekalan Elektrik Sokongan Pada 21 Ogos 2022 Menggunakan Set Generator

Bil.	Bangunan / PTj
1	Fakulti:
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal Tambahan Loji Pandu
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Tumbuhan
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Haiwan
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Fizik
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Matematik / Geologi
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal ABSL
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Dewan Anuar Mahmud (DAM)
	Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) Bangunan Akademik - Makmal Jabatan Kejuruteraan Kimia & Proses
2	Institut:
	INBIOSIS (Bangunan Makmal)
	SELFUEL (Kompleks Penyelidikan)
	SERI (Kompleks Penyelidikan)
	IMEN (Kompleks Penyelidikan)
	IPI - Pusat ANGKASA (Kompleks Penyelidikan)
3	Pusat Perkhidmatan:
	Pusat Teknologi Maklumat (PTM)
	Pusat Kesihatan Universiti - Makmal Ubatan & Peti Vaksin sahaja
	Makmal i-CRIM (Kompleks Penyelidikan)
	Makmal Bioserasi
	Pusat Islam (Masjid UKM) - Mengikut waktu solat



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my/pendaftar

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

	Pejabat Keselamatan, Wisma Aman
	Jabatan Pembangunan Prasarana (JPP)
4	Kolej Kediaman:
	Kolej Pendeta Za'ba (KPZ)

- * Danau Golf UKM dan Perumahan Bukit Puteri masih menerima bekalan elektrik daripada sumber TNB yang berlainan.
- * Tiada operasi hawadingin sepusat dari District Cooling System (DCS) Lingkungan 1 dan Lingkungan 2 yang akan ditutup bekalan elektrik sepenuhnya. Semua bangunan disenaraikan di atas tidak akan menerima hawadingin sepusat ini kecuali bangunan yang menggunakan sistem hawadingin berasingan (split unit).



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my